

22/11/1997

NEAC tidak ambil kuasa Kabinet

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) tidak akan mengambil alih kuasa Kabinet atau kementerian yang terbabit secara langsung dengan ekonomi, sebaliknya akan bertindak sebagai badan penasihat yang diberi kuasa mengambil tindakan serta merta.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, majlis yang akan ditubuhkan bulan depan itu, dianggotai menteri yang portfolio mereka berkaitan dengan soal ekonomi dan kalangan profesional dalam bidang itu.

Majlis yang akan dipengerusi sendiri oleh Perdana Menteri itu adalah sebuah jawatankuasa yang tertakluk kepada Kabinet dan berfungsi sebagai badan penasihat kepada kerajaan mengenai langkah yang perlu diambil bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, terhadap ekonomi negara.

"Akan ada anggota Kabinet tertentu dan orang yang mempunyai peranan, dalam melaksanakan kempen yang kita akan adakan. Jadi tidak ada percanggahan kerana kita biasa mengadakan badan seperti ini.

"Walaupun ketika Majlis Gerakan Negara (Mageran) dulu cuma ada Mageran saja, Kabinet seolah-olah tidak ada peranan tetapi kali ini Kabinet akan terus berfungsi.

"Kita (NEAC) akan melaporkan kepada Kabinet dari semasa ke semasa. Dengan adanya badan ini kita boleh mengambil tindakan serta-merta," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pagi ini.

Mesyuarat itu memberi penjelasan kepada pemimpin kanan parti-parti gabungan BN mengenai cadangan Umno menubuhkan NEAC, seperti diputuskan oleh Majlis Tertinggi malam tadi.

Ketika mengumumkan penubuhan NEAC malam tadi, Dr Mahathir berkata, ia adalah pendekatan yang pernah digunakan kerajaan ketika darurat. Berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969, negara diletakkan dalam keadaan darurat dan ditadbir oleh Mageran yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimanapun, penubuhan NEAC tidak membabitkan sebarang perisytiharan darurat melainkan memusatkan segala urusan pentadbiran ekonomi negara di bawah majlis itu yang akan beliau pengerusikan sendiri.

Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini, semua pemimpin sekali lagi memberi pengakuan bahawa mereka akan mengambil tindakan seperti disarankan bagi mengukuhkan ekonomi negara, terutama dalam memastikan masalah kejatuhan nilai mata wang dan bursa saham dapat ditangani segera.

"Saya yakin kempen yang kita ambil akan memberi kesan dan dilaksanakan dengan penuh tertib dan disiplin, selaras mengikut apa yang sudah diputuskan," kata Perdana Menteri.

Mengenai keanggotaan majlis itu, Dr Mahathir berkata, antara menteri Kabinet yang akan terbabit ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Sumber Manusia.

"Bagi sektor swasta pula kita, tentu mahukan orang daripada bidang seperti pembuatan, eksport, perbankan dan kewangan. Kita belum pilih lagi tapi kemungkinan orang ini akan diundang," katanya.

(END)